

SYARAT-SYARAT KUARI

1. Pengusaha adalah tertakluk untuk mematuhi apa-apa syarat yang dikehendaki oleh Jabatan Teknikal luaran pada setiap masa seperti Jabatan Mineral dan Goesains, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Hutan, Pejabat Tanah & Daerah, JKR, POLIS dan pihak MPS sendiri. Kegagalan mematuhi syarat-syarat ini boleh menyebabkan kelulusan ini ditarik balik.
2. Mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk menyelenggara parit tepi jalan supaya bersih daripada halangan dan dengan memuaskan hati Pihak Berkuasa Tempatan.
3. Apa-apa kemalangan dan kerosakan kepada harta/bangunan atau orang yang disebabkan secara langsung atas kegagalan /runtuhan bangunan/ kebakaran.
4. Memastikan bahawa tempat-tempat pili bomba dan apa-apa opemasangan perkhidmatan kemudahan lain yang sedia ada tidak digalang oleh sebarang binaan/bahan binaan atau lain-lain bahan.
5. Membaiki apa-apa kerosakan pada lebu, parit lorong jalan kaki dan kawasan lapang supaya sentiasa dalam keadaan baik, bersih dan kemas.
6. Bertanggungjawab ke atas kestabilan tanah pada tapak, keselamatan daripada segala kemungkiran kepada bangunan dan hendaklah dari masa ke semasa menjaga dan menyelenggara keruntuhan tanah di kawasan tersebut.
7. Permohonan untuk memperbaharui lesen ini boleh dibuat dengan mengemukakan gambar foto pandangan hadapan/belakang dan pandangan sisi kiri/kanan.
8. Pihak majlis berhak untuk melulus atau menolak ke atas permohonan pembaharuan lesen ini.
9. Pihak Majlis Perbandaran Selayang adalah berhak membatalkan lesen kerana melanggar mana-mana syarat yang tersebut di atas atau kerana apa-apa sebab yang difikirkan patut dan pemohon itu hendaklah dalam tempoh 14 hari dari tarikh penerimaan notis memindahkan atau merobohkan segala binaan dan semua barangan/binaan yang berhubung dengannya daripada tapak itu.

10. Sekiranya tuan mengingkari notis tersebut, pihak Majlis dengan penjawat-penjawatnya akan melaksanakan kerja-kerja meruntuh/meroboh bangunan tersebut dan segala kos kerja-kerja tersebut akan dibilkan kepada tuan.
11. Majlis tidak akan bertanggungjawab atas segala tuntutan dan gantirugi setelah tuan diarahkan untuk mematuhi syarat-syarat yang telah dinyatakan ini.
12. Lain-lain syarat yang akan dikenakan akan diberitahu dari masa ke semasa.